

Edisi Pertama  
Bilangan 1/2014



# e-Buletin **BPM NRE** <http://www.nre.gov.my>



## **FOKUS**

Log Transformasi NRE  
ISMS

## **KNOWLEDGE MANAGEMENT**

## **ONLINE SHOPPING**

Panduan Online Shopping

## **10 TIP**

Jimatkan  
Bateri Komputer Riba

## **TECHNOLOGY UPDATE**

Perkhidmatan Teknologi  
Cloud Storage Popular

# FOKUS




## Sistem Log Transformasi NRE

<http://logtransformasi.nre.gov.my/>

### Pelan Strategik

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



#### Ukuran

<b>Jumlah Ukuran</b> Jumlah Ukuran dalam tahun ini	7
<b>Sasaran Tercapai</b> Jumlah Ukuran yang tercapai atau lebih daripada sasaran	0
<b>Di Bawah Sasaran</b> Jumlah Ukuran di bawah sasaran dalam tahun ini	0
<b>Lain-Lain</b> Jumlah Ukuran yang tidak dapat dikesan	7

Jumlah bilangan Pelan Strategik, Program Kementerian, Matlamat Utama, Strategi Pelaksanaan dan Ukuran yang akan dijalankan dalam tahun ini.

**O**bjektif utama sistem Log Transformasi NRE adalah bagi membantu pihak pengurusan atasan untuk memantau dan menganalisa pelaksanaan projek atau tugas berdasarkan program yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik NRE, Rancangan Kerja Tahunan (RKT) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) setiap Bahagian/Unit di NRE.

Modul yang terdapat dalam sistem ini ialah:

- i) Modul Pentadbir
  - a) Pengurusan akaun pengguna sistem
  - b) Pengurusan data asas penggunaan sistem
- ii) Modul Projek/Aktiviti
  - a) Kemudahan merekod maklumat Projek/Aktiviti
  - b) Kemudahan mengemaskini maklumat Projek/Aktiviti
  - c) Notifikasi emel kepada Pegawai Projek
- iii) Modul Dashboard
  - a) Janaan analisis dan statistik dalam bentuk carta dan indikator
- iv) Modul Carian
  - a) Carian secara asas atau spesifikasi menggunakan kata kunci

### Ukuran

#### Mengekalkan penarafan bintang bagi portal NRE

Tahun	Sasaran	Pencapaian Sebenar
2011	5	5
2012	5	5
2013	5	5
2014	5	
2015	5	

Kemaskini Hapus 21 Nov 2013 04:25 PM

Progress	Projek	Tarikh Tamat
80% Dalam Pelaksanaan	<b>Pemantapan Modul Sistem Log Transformasi NRE</b> Pemantapan modul sistem aplikasi eBMOPermis. Projek di BPR 21 Nov 2013 11:42 AM	15 Decem
100% Selesai	<b>Pemantapan Sistem Aplikasi eBMOPermis</b> Pemantapan modul sistem aplikasi eBMOPermis adalah bertujuan untuk melaksana beberapa cadangan pemantapan atau Business Process Re-engineering (BPR) seperti pemantapan penilaian terbalik memori atau bahan bahan secara dalam talian dan melabok... BPR 25 Nov 2013 02:33 PM	30 Decem
100% Selesai	<b>Pengekalan Penarafan Portal 5 Bintang</b> Pemantapan Portal Rasmi NRE 2013 bagi membolehkan pengguna dan fungsi portal yang lebih mesra pengguna serta dapat meningkatkan penarafan lima bintang dalam Pentarafan laman web/portal agensi Kerajaan (MOPWA) 2013 oleh Multimedia Development Co... BPR 25 Nov 2013 02:47 PM	31 March 2
100% Selesai	<b>Pemilihan ISO/IEC 27001:2005 ISMS</b> Pemilihan Semula ISO/IEC 27001:2005 ISM BPR 21 Nov 2013 11:42 AM	31 Decem
80% Dalam Pelaksanaan	<b>Security Posture Assessment (SPA)</b> Security Posture Assessment (SPA) BPR 27 Nov 2013 10:24 AM	12 Novem

Semoga dengan adanya pembangunan sistem aplikasi ini dapat meningkatkan kecemerlangan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan terutamanya yang berasaskan ICT di mana pencapaian 90% ketersediaan dan penggunaan perkhidmatan dalam talian yang efisien, berkualiti, selamat dan mesra pelanggan telah disasarkan bagi setiap urusan menjelang 2015.

## INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)



### ISMS SEKTOR AWAM

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Februari 2010, agensi awam yang terlibat dalam Sektor Prasarana Maklumat Kritikal Negara (CNII) hendaklah mendapat pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2005 dalam tempoh 3 tahun



#### Ciri Utama Keselamatan Maklumat

- Kerahsiaan
- Integriti
- Tidak Boleh Disangkal
- Kesahihan
- Kebolehsediaan

#### Pencapaian ISMS NRE



NRE telah berjaya memperoleh pensijilan ISO/IEC 27001:2005 ISMS mulai tahun 2010

Audit Pensijilan Semula ISMS telah dilaksanakan pada 30 dan 31 Mei 2013 dan NRE telah berjaya mengekalkan pensijilan tersebut bagi tempoh 16 Julai 2013 hingga 15 Julai 2016

#### Way Forward



Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan memulakan gerak kerja ke arah mencapai pensijilan ISMS berdasarkan standard baharu ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2015

#### Pensijilan ISMS

Pensijilan ISMS yang berpandukan kepada standard ISO/IEC 27001:2005 adalah merupakan suatu sistem pengurusan berasaskan risiko bagi mewujudkan, melaksana, mengoperasi, memantau, menyemak dan melaksana penambahbaikan berterusan ke atas keselamatan maklumat

#### Jabatan dan Agensi NRE Yang Telah Dipersijilkan

- Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
- Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)
- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)
- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)
- Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)



# KNOWLEDGE *management*

Pengurusan Pengetahuan

Pengurusan Pengetahuan atau *Knowledge Management (KM)* ialah semua kegiatan yang berstruktur untuk penambahbaikan sesebuah organisasi melalui perkongsian maklumat secara berpusat serta penggunaan maklumat yang betul dan mudah dicapai.

KM juga merupakan suatu cara atau kaedah kita menguruskan sesuatu pengetahuan yang dimiliki agar dapat direkod, dijaga dan dikongsi secara efisien. Dengan adanya KM, ianya membolehkan perkongsian dan penyebaran maklumat/pengetahuan secara sistematik di kalangan warga NRE dan jabatan/agensi di bawahnya. KM juga dapat mengelakkan organisasi kehilangan kepakaran, pengalaman dan idea yang merupakan aset sesebuah organisasi apabila seseorang pekerja berpindah, atau menamatkan perkhidmatan.

Bhatt (2001) mendefinisikan pengurusan pengetahuan sebagai proses penghasilan, pemanfaatan, penghantaran dan penggunaan pengetahuan. Menurut beliau tiga (3) komponen penting dalam pengurusan pengetahuan ialah membangunkan atau mewujudkan pengetahuan, menyimpan pengetahuan dan berkongsi pengetahuan. Definisi ini menunjukkan pengurusan pengetahuan tidak terhad kepada penyimpanan pengetahuan semata-mata, sebaliknya pengurusan pengetahuan melibatkan keperluan untuk mendapatkan pengetahuan sama ada dari dalam atau luar organisasi dan perkongsian pengetahuan antara warga organisasi.

KM terbahagi kepada 2 jenis;

a. Pengetahuan tersirat atau *Tacit Knowledge* adalah *knowledge* dari pakar-pakar, baik individu mahupun masyarakat termasuk pengalaman mereka. *Tacit knowledge* bersifat personal dan sulit dirumuskan sehingga membuatnya sangat sulit untuk dikomunikasi atau disampaikan kepada orang lain seperti kemahiran dan pengalaman bekerja.

b. Pengetahuan tersurat atau *Explicit Knowledge* adalah sesuatu yang dapat diterjemahkan dengan kata-kata dan angka, serta dapat disampaikan dalam bentuk ilmiah, spesifikasi, manual dan sebagainya. Pengetahuan jenis ini dapat segera diteruskan dari satu individu ke individu lainnya secara formal dan sistematik.





## PERKHIDMATAN TEKNOLOGI CLOUD STORAGE POPULAR



Teknologi storan awan (*cloud storage*) merupakan teknologi penyimpanan data digital secara maya dan atas talian sebagai media penyimpanan yang semakin popular dalam era teknologi terkini. Perkhidmatan *cloud storage* yang menjadi pilihan pengguna ini memudahkan penyimpanan dan perkongsian data di mana-mana sahaja, mudah, cepat melalui capaian internet, integrasi dengan aplikasi sedia ada dan had ruangan yang disediakan secara percuma.

DropBox merupakan perkhidmatan *cloud storage* yang paling popular bukan sahaja untuk kegunaan peribadi malah digunakan dalam urusan pekerjaan. Paparan antara muka yang mudah dan boleh berintegrasi dengan PC, MAC, iPhone/iPad, Android dan sebagainya menarik minat ramai pengguna. Antara ciri yang terbaik terdapat pada DropBox adalah muatnaik gambar boleh dilakukan secara automatik kepada ruang storan DropBox tanpa perlu *card reader* atau kabel USB. Perkongsian data dan maklumat yang telah dimuatnaik boleh dimaklumkan melalui emel, antara muka DropBox atau website DropBox.com.

Namun DropBox memberikan had ruangan percuma sekitar 2GB yang boleh digunakan untuk berkongsi fail bersaiz kecil seperti dokumen Words, Excel dan PDF. Walau bagaimanapun, ciri DropBox yang membolehkan *synchronization* dengan pelbagai platform menjadikan ia lebih digemari dan dipilih penggunaannya.



Dropbox

Google Drive merupakan perkhidmatan storan percuma yang diberikan oleh Google membolehkan penyimpanan dan perkongsian fail dan data di mana sahaja. Had ruangan percuma yang dibekalkan adalah bersaiz 15GB sebagai permulaan dan ini digemari ramai pengguna. Harga untuk simpanan tambahan bermula pada \$5 sebulan untuk 100GB yang dikira sangat berpatutan bagi pengguna yang memerlukan storan bersaiz besar.

Google Drive juga menyediakan perkhidmatan Google Docs yang membolehkan dokumen dihasilkan, disimpan, dikongsi dan diuruskan. Jenis aplikasi dokumen yang boleh dihasilkan adalah Docs, Spreadsheets, Forms, Presentations and Drawings.



Google Drive



OneDrive

Microsoft juga telah memperkenalkan *cloud storage* iaitu Microsoft OneDrive kepada pengguna Windows, Mac, iOS, dan Windows Phone yang membolehkan capaian kepada storan dengan mudah di mana-mana sahaja dengan adanya internet. Seperti DropBox, iCloud dan Google Drive, Microsoft OneDrive juga menawarkan had ruangan storan percuma sebanyak 7GB dengan akaun Microsoft Outlook dan boleh ditambah kepada 25GB untuk \$10 setahun.

Namun, Microsoft OneDrive ini tidak menyokong dan tidak membolehkan *synchronization* di Windows XP berbanding dengan DropBox and Google Drive dapat menyokong penggunaan Windows XP.



iCloud

Apple iCloud merupakan storan online yang dimiliki oleh Apple. Apple iCloud juga boleh dicapai di mana sahaja dan had ruangan diberikan secara percuma sebanyak 5GB. Peningkatan ruang bermula 10GB lagi untuk \$20 setahun dan 100GB untuk \$100 setahun.

Apple iCloud membolehkan pengguna Apple menyimpan dan memindahkan aplikasi yang dibeli/digunakan di iPhone kepada iPad ataupun iPod melalui iTunes secara automatik ke Apple iCloud dengan mudah sekali. Apple iCloud juga boleh digunakan oleh pengguna yang memiliki gadget Apple iOS 4.3 ke atas.

Tidak seperti DropBox, Apple iCloud tidak membenarkan *synchronization* dengan peranti lain seperti Android atau Blackberry.

# ShOnline. opping



Perkembangan teknologi hari ini memang menakjubkan. Sesuai dengan perubahan gaya hidup yang semakin sibuk, membeli secara *online* kini semakin mendapat perhatian. Malah, ia menjadi satu cara mudah untuk berbelanja dan mendapatkan barang keperluan tanpa perlu beratur panjang di kaunter atau bersesak-sesak di pusat membeli-belah. Hanya menggunakan internet, segala-galanya menjadi mudah di hujung jari anda. *Online shopping* adalah satu cara untuk membeli dengan mudah dan pantas. Berikut sedikit panduan mengenai *online shopping* :-

Belilah di tempat yang tiada masalah dan pernah dibeli oleh kenalan anda

Usahakan anda mempunyai kenalan yang berdekatan atau sama negeri dengan penjual, supaya kenalan anda boleh membantu anda menyiasat kewujudan penjual berkenaan

Usahakan supaya pembayaran seboleh-bolehnya dilakukan dengan cara tunai *cash & carry* atau *cash on delivery (COD)*

Usahakan membeli barangan dari penjual yang berdekatan atau yang sama negeri dengan anda, bererti anda boleh pergi ke tempatnya secara terus

Dapatkan dari penjual yang memiliki laman sesawang/ blog yang telah lama beroperasi di internet

Hati-hati terhadap desakan untuk segera melakukan pembayaran


Anda patut curiga jika harga barang terlalu murah





**01** Perlahankan bunyi atau *mute volume* jika perlu 

**04** Tamatkan penggunaan *bluetooth* jika tidak digunakan 




**02** Kurangkan kecerahan skrin komputer riba, tukarkan pilihan "*Select a power plan*" kepada "*Power saver*" 

**05** Gunakan aplikasi yang tidak memerlukan jumlah RAM (*Random Access Memory*) yang banyak 

**03** Buat defragmentasi seminggu sekali bagi memastikan komputer dapat berfungsi dengan lancar 

*Disk Defragmentasi*


**06** Padam/tutup atau gunakan mode *Hibernate* berbanding menggunakan *Standby* jika anda tidak menggunakan komputer riba buat seketika 




## TIPS : JIMATKAN BATERI KOMPUTER RIBA

**07** Jangan gunakan CD /DVD 

**09** Tanggalkan/Cabutkan *ports* yang tidak digunakan seperti Ethernet/USB 

**10** Elakkan meletak komputer riba di permukaan yang menyerap haba seperti atas bantal/tilam. Ini menyebabkan komputer riba semakin panas 

**08** Gunakan *cooling pad* 



# FAQ

## Helpdesk ICT

<http://nrerim/pages/aduan>  
e-mel : [helpdeskict@nre.gov.my](mailto:helpdeskict@nre.gov.my)  
Telefon : 03-8886 1110

### Apakah itu aplikasi MyMesyuarat?

MyMesyuarat merupakan sistem pengurusan keputusan mesyuarat atas talian dan tanpa kertas.



### PUTRA WiFi

Merupakan perkhidmatan yang dibekalkan oleh pihak MAMPU untuk menyokong pembangunan dan pelaksanaan dua (2) daripada tiga (3) inisiatif utama di bawah EPP8 iaitu peningkatan perkhidmatan Kerajaan secara online dan pelaksanaan Paperless Government.

### Apakah perkhidmatan Putra WiFi?

### Apakah Portal NRE\*RIM?

Portal NRE\*RIM adalah Gerbang *Repository Intellectual Memory* Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Aplikasi ini telah dibangunkan dengan tujuan menjadikannya sebagai hub utama bagi persediaan ke arah pembangunan **Knowledge Management** NRE serta Jabatan/Agensi.



### Bagaimana mencipta password yang kukuh (*strong password*)?

Menggunakan kombinasi huruf besar, huruf kecil, nombor (0,1,2,3,4,5,6,7,8,9) dan simbol (!@#\$%&\*) yang mempunyai sekurang-kurangnya 8 aksara. Jangan gunakan maklumat peribadi (seperti tarikh lahir, nama anak, nombor telefon) atau sebarang perkataan atau frasa yang berkaitan dengan anda.

### Berapa lamakah tempoh menyiapkan slaid atau montaj multimedia?

Tempoh minimum yang boleh disiapkan adalah dari 3-5 hari bergantung kepada penyediaan bahan-bahan projek serta mesyuarat susulan berkaitan pelaksanaan projek.



### Apa itu 'Big Data'?

'Big Data' ditakrifkan sebagai sebuah media penyimpanan data yang menawarkan ruang yang tidak terbatas serta kemampuan untuk memproses pelbagai jenis data dengan cepat.



## SIDANG PENGARANG

### PENAUNG :

Puan Wan Roshidah binti Wan Ismail

### KETUA EDITOR :

Puan Siti Hanizah binti Mohd Hanafiah

### REKA BENTUK & GRAFIK :

Encik Mohd Tarmizy bin Ali Ahmad  
Encik Khairil Izuree bin Kamiruzaman  
Puan Rasnidaayu binti Mat Rosid  
Puan Latiffah binti Masuri

### PASUKAN EDITOR :

Puan Kamariah binti Abu  
Cik Cheryl Barr Kumarakulasinghe  
Cik Mas Sakdah binti Kamaruzzaman  
Cik Endah Senjawati binti Zainal Ariffin  
Puan Helena Ping Mering  
Cik Suhairina binti Sudirman  
Puan Zainatun Nadhrah binti Aziz  
Encik Ady Hazman bin Abdullah  
Puan Nooryati binti Muhammad  
Puan Zahrina binti Ismail

